

TARIKH	25 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	17	RUANGAN	Nasional

# Khidmat hantar bagasi, air zam-zam

» *Pos Malaysia tawar pakej dengan kos penghantaran murah, cepat*

Oleh Haspaizi Mohd Zain  
haspaizi@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**os Malaysia Berhad (Pos Malaysia) menawarkan Perkhidmatan Bagasi Tanah Suci bagi membolehkan jemaah haji menunaikan ibadat dengan tenang tanpa perlu memikirkan penghantaran pulang barang ke tanah air.

Melalui perkhidmatan itu, jemaah haji boleh menyerahkan pengurusan penghantaran pulang bagasi dan air zam-zam mereka kepada Pos Malaysia dengan kos penghantaran murah, cepat dan selamat.

## Dihantar terus ke kediaman masing-masing

Perkhidmatan berkenaan bukan saja membolehkan jemaah haji menunaikan ibadat dengan tenang dan sempurna, bagasi dan air zam-zam dari Makkah, Madinah dan Jeddah akan terus dihantar ke kediaman masing-masing.

Pos Malaysia juga menyediakan perkhidmatan menyeluruh untuk keselesaan dan kemudahan jemaah termasuk pungutan

di hotel atau tempat penginapan, penyediaan dokumen, pembungkusan dan pemeriksaan kastam serta perlindungan insurans.

Kos penghantaran bagi perkhidmatan berkenaan ditawarkan pada harga berpatutan iaitu bagasi pada Saudi Riyal (SR)15 untuk Semenanjung dan SR20 bagi Sabah dan Sarawak.

Untuk penghantaran air zam-zam pula, bagi Semenanjung, kadar yang dikenakan ialah SR120 untuk 10 liter manakala SR140 bagi Sabah dan Sarawak.

## Diskaun SR1

Pos Malaysia juga menawarkan diskaun sebanyak SR1 setiap kilogram untuk barangan dan SR5 untuk setiap 10 liter air zam-zam.

Jemaah juga boleh memilih untuk mendapatkan insurans yang memberi perlindungan tambahan bagi penghantaran barang dengan kadar premium serendah RM6 tetapi kadar premium bergantung kepada nilai barang yang dihantar.

Kaunter Pos Malaysia di hotel dan tempat penginapan di Makkah ialah di al-Janadriyah, Qasr Anoor, Safwat al-Shorouq, Shobra, Hajeej, Haneen, Royal Dar Eiman, Hajar Movenpick dan Dar Tahweed.

Di Madinah pula ialah di al Haram (Ibu Pejabat Ta-

bung Haji), Movenpick dan Oberoi.

Maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi Pos Malaysia (1-300-300-300), Makkah 0558826255 (panggilan dari Arab Saudi)/ 00966-558826255 (panggilan dari Malaysia); Madinah 0555705765 (panggilan dari Saudi) / 00966-555705765 (panggilan dari Malaysia); khidmat pungutan 0566777640 (panggilan dari Arab Saudi) 00966-566777640 (panggilan dari Malaysia) dan Pengurus Projek 0556288220 (panggilan dari Arab Saudi) / 00966 + 556288220 (panggilan dari Malaysia).

## Bayaran tunai

Kaedah pembayaran pula ialah secara tunai ketika urusan pengeposan di kaunter disediakan di Makkah atau Madinah dalam mata wang Saudi Riyal atau Ringgit Malaysia.

Bayar Sewaktu Serah (Cash On Delivery) yang mana jemaah yang membuat penghantaran di Makkah atau Madinah akan menjelaskan bayaran secara tunai sebaik saja menerima barangan di Malaysia atau bayaran melalui akaun simpanan Tabung Haji.

Serahan bagasi atau barang akan dilakukan dalam tempoh tujuh hari bekerja bermula dari tarikh bagasi atau barang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan bergantung kepada kawasan serahan PosLaju.

